

06/03/1999

Laporan kajian pelarasan gaji disiapkan segera

KUALA LUMPUR, Jumaat - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan menyiapkan segera laporan kajian pelarasan gaji lima badan berkanun yang diasingkan, untuk dikemukakan dalam mesyuarat Kabinet, kata Ketua Pengarahnya, Datuk Samsuddin Osman.

"JPA sudah menerima arahan Kabinet dan akan menyiapkannya secepat mungkin," katanya dihubungi di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya JPA mengemukakan laporan berhubung tuntutan pelarasan gaji kira-kira 10,500 kakitangan badan berkanun untuk diputuskan Kabinet.

Semalam, Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, berkata Dr Mahathir menyampaikan sendiri arahan itu kepada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, apabila isu tuntutan itu yang tertunggak sejak 1995, dibangkitkan dalam mesyuarat Kabinet minggu lalu.

Sebelum ini, pekerja lima agensi terbabit - Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), mendakwa menerima gaji lebih rendah daripada pekerja sektor awam lain mengikut Skim Saraan Baru (SSB) yang dilaksanakan mulai 1 Januari 1995.

Antara perbezaan ketara sistem gaji mereka dengan sistem SSB ialah kakitangan agensi berkenaan tidak menerima imbuhan tetap perumahan sebanyak RM90 serta elaun khidmat awam.

Sementara itu, Majlis Bersama Kesatuan Sektor Awam Yang Diasingkan pada sidang akhbar di sini, hari ini berterima kasih atas perhatian yang diberikan Perdana Menteri berhubung tuntutan itu.

Presidennya, Mohd Noor Abdullah, berkata pihaknya juga akan menemui Dr Mahathir bagi membincangkan berhubung isu itu dengan lebih lanjut.

(END)